

Mendidik Mahasiswa Agar Melabur Secara Bijak



Oleh: Elni Quziny Ahmad Saripi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 28 Jun 2021

Masih ramai mahasiswa menafikan mereka berdepan masalah kewangan dan terus berbelanja secara berlebihan, seolah-olah tiada kesedaran dalam diri mereka tentang masalah yang dihadapi.

Laporan kajian Pantauan Ekonomi Malaysia Disember 2019 yang diterbitkan Bank Dunia menganggarkan, kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan individu muflis di Malaysia adalah golongan muda berumur antara 25 hingga 44 tahun.

Sebagai generasi muda, mahasiswa seharusnya mencari ilmu pengurusan kewangan terlebih dahulu supaya mereka mampu mengendalikan simpanan dan perbelanjaan, melabur dengan bijak dan meminjam secara bertanggungjawab mengikut matlamat dan keadaan kewangan mereka.

Terdapat banyak kaedah pengurusan kewangan yang terbaik dan bersistematik yang boleh diamalkan. Salah satu daripadanya adalah dengan melabur.

Menurut Suruhanjaya Sekuriti, pelaburan merupakan aktiviti yang boleh menambah nilai simpanan seseorang.

Pelaburan adalah komitmen dana kepada satu aset atau lebih yang akan dipegang untuk satu tempoh pada masa hadapan, dengan harapan aset tersebut akan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi.

Pelbagai manfaat mahasiswa akan peroleh dengan pelaburan, antaranya dapat menangani kenaikan kadar inflasi.

Pelaburan juga adalah cara terbaik untuk mengekalkan gaya hidup sedia ada dan pada masa yang sama, berhati-hati ketika berbelanja.

Namun, ada banyak risiko yang perlu diawasi sebelum memulakan pelaburan. Menentukan jenis pelaburan yang sesuai untuk golongan mahasiswa bukanlah sesuatu yang mudah.

Pelbagai faktor perlu diambil kira sebelum membuat keputusan untuk melabur. Salah satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah risiko kerugian.

Lazimnya, semakin tinggi pulangan yang diterima dari sesuatu jenis pelaburan, semakin tinggi pula risikonya.



Gambaran pemasaran berbilang aras (MLM)

(Sumber gambar: Google)

Memetik laporan Utusan Borneo Online pada 7 Februari lalu, seorang pelajar universiti di Bintulu, Sarawak terpaksa berputih mata apabila menanggung kerugian sebanyak RM3,910 kerana terperdaya dengan sebuah syarikat pelaburan palsu.

Oleh itu, sebelum melabur, mahasiswa perlu menyelidik dan memastikan terlebih dahulu syarikat pelaburan yang ingin disertai tidak terlibat dengan sindiket penipuan yang berselindung di sebalik kegiatan pemasaran pelbagai aras (MLM).

Syarikat pelaburan palsu itu bukan setakat menggunakan helah melatih usahawan muda, malah sanggup mempergunakan imej Islam, semata-mata untuk menarik perhatian mahasiswa.

Modus operandi itu berjaya menarik ramai mahasiswa untuk mempercayai syarikat terbabit mengamalkan prinsip syariah dalam pentadbiran dan perniagaan kerana ia sering menyelitkan unsur keagamaan dalam setiap pertemuan atau seminar.

Akibat salah memilih, wang yang ada di tangan terus lebur. Mahasiswa yang menjadi mangsa penipuan pula terpaksa hidup dalam kesulitan akibat ketiadaan wang.

Bagi mengelakkan ditipu, pelbagai cara boleh digunakan untuk mengenal pasti skim-skim penipuan yang bertopengkan kegiatan pelaburan.

Pertama, pastikan sama ada syarikat tersebut bukan sekadar mempunyai lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau lesen Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera daripada Kementerian Kewangan. Syarikat itu mesti mempunyai lesen daripada Bank Negara Malaysia (BNM).

Kedua, mahasiswa perlu terlebih dahulu meneliti apa yang dimaksudkan dengan skim pelaburan yang menjanjikan pulangan dan keuntungan yang besar.

Ketiga, pastikan syarikat pelaburan tersebut mempunyai pemegang amanah. Ini adalah kerana pengarah syarikat tidak boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan duit dari akaun yang dikawal oleh pemegang amanah.

Justeru, mahasiswa seharusnya bijak membuat penilaian sebelum membuat keputusan untuk melabur agar mereka tidak menyesal kemudian.